

10/04/2002

50 graduan Darul Quran ke UIA

KUALA KUBU BHARU, Selasa - Kira-kira 50 graduan institut pengajian tinggi Darul Quran melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dalam pelbagai bidang profesional, termasuk kejuruteraan dan perubatan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata program kerjasama dengan UIA sejak tiga tahun lalu itu antara langkah mewujudkan lebih ramai jurutera dan doktor yang tahfiz al-Quran.

"Matlamat utama kita ialah melahirkan profesional yang mantap ilmu agamanya. Apa yang menarik, pelajar ini bukan daripada aliran agama, tetapi sains dan mampu menguasai hafalan al-Quran kurang daripada 18 bulan," katanya selepas melawat tapak projek fasa dua Darul Quran, di sini hari ini.

Terdahulu, Abdul Hamid berkata, Darul Quran mempunyai 400 pelajar dan meningkat kepada 1,000 apabila projek fasa dua institut siap September depan.

Fasa kedua membabitkan kos RM26 juta merangkumi antaranya pembinaan asrama lelaki dan dewan muktamar.

Ditanya mengenai mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MKI) yang diadakan semalam, Abdul Hamid berkata, ia hanya membincangkan isu semasa yang berkaitan dengan Islam.

Mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut dihadiri Menteri Besar setiap negeri dan beberapa pihak yang dilantik, termasuk ulama dan profesional.

(END)